



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

**TAKLIMAT
BAKAL PESARA**

(FAEDAH TERBITAN)

nurwasyahlan.z@kwap.gov.my

014-8281865

**JABATAN PERKHIDMATAN PERSARAAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

- Ganjaran Terbitan
(Seksyen 14, Akta 227/Seksyen 15, Akta 239)
- Pencen Terbitan
(Seksyen 14 & 15, Akta 227/Seksyen 15 & 16, Akta 239)
- Pencen Tanggungan
(Seksyen 18, Akta 227/Seksyen 20, Akta 239)

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Apa itu Ganjaran Terbitan ?

“ Pemberian faedah yang **dibayar sekaligus** kepada tanggungan anggota yang meninggal dunia di dalam perkhidmatan atau wakil yang sah di sisi undang-undang ”

Formula ?

$$\begin{array}{|c|} \hline 7.5\% \\ \hline \end{array} \times \begin{array}{|c|} \hline \text{Jumlah Genap Bulan} \\ \hline \text{Perkhidmatan Yang} \\ \hline \text{Boleh Dimasukira} \\ \hline \end{array} \times \begin{array}{|c|} \hline \text{Gaji Akhir} \\ \hline \text{Yang Di} \\ \hline \text{Terima} \\ \hline \end{array}$$

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

**Orang Tanggungan yang layak menerima
Ganjaran Terbitan.**

• Balu atau Duda;	9/10
• Anak	Kadar penuh jika ibu/bapa meninggal
• Ibu atau Bapa Tanggungan	1/10

**Jika ketiadaan penerima-penerima di atas, GT boleh
diberi kepada wakil yang sah di sisi undang-undang**

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Orang Tanggungan yang layak menerima
Ganjaran Terbitan bagi pegawai bujang.

Ibu atau Bapa Tanggungan

Jika jumlah amaun KWSP iaitu Syer Kerajaan dan
Syer Pekerja **MELEBIHI** jumlah Ganjaran Terbitan,
maka waris hendaklah menuntut caruman KWSP
(tiada Ganjaran Terbitan dibayar)

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Apa itu Pencen Terbitan

“Pencen **BULANAN** yang terbit disebabkan oleh kematian anggota/pesara sektor awam, dibayar kepada orang-orang tanggungan anggota/pesara seperti mana yang diperuntukkan oleh Undang-Undang pencen berkenaan.”

Formula

$$\boxed{1/600} \times \boxed{\text{Jumlah Bulan Perkhidmatan Yang Boleh Dimasukira}} \times \boxed{\text{Gaji Akhir Yang Di Terima}}$$

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN



Orang Tanggungan yang layak menerima Pencen Terbitan

- **Balu atau Duda; dan**
- **Anak**

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Tafsiran Balu/Duda

Balu atau Duda ertinya isteri atau suaminya :

- **yang masih hidup kepada seseorang pegawai yang meninggal dunia; dan**
- **yang mana perkahwinannya diiktirafkan di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, ugama, adat atau kelaziman.**

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Takrif Anak

Anak ertinya ialah :

- anak seorang pegawai/pesara yang meninggal;
- berumur 21 tahun; dan
- masih belum berkahwin.

Termasuk :

- anak kandung;
- anak yang lahir selepas kematian pegawai;
- anak tiri tanggungan;
- anak tak sah taraf;
- anak angkat;
- anak cacat.

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Takrif Anak Angkat

Anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai :

- di bawah mana-mana **UNDANG-UNDANG BERTULIS** berhubung dengan pengangkatan tersebut; atau
- di bawah mana-mana **ADAT** atau **KELAZIMAN** dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan tersebut;

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Kelayakan Anak Umur Melebihi 21 Tahun

Belajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT):

“... sedang mendapat pendidikan di IPT tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama ...”

Layak sehingga tamat pengajian

JENIS-JENIS FAEDAH TERBITAN

Anak cacat :

- Tidak kira apa jua umurnya;
- yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri; dan
- kecacatan tersebut dialami sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.

Pencen dibayar seumur Hidup

(Pegawai dilantik sebelum 16.5.1986, syarat anak menerima kecacatan sebelum umur 21 tahun itu tidak terpakai)


PENCEN TERBITAN AKAN DITAMATKAN JIKA:

**ANAK
BERKAHWIN
ATAU
MENCAPAI
UMUR 21 TAHUN
MANA YANG
TERDAHULU**

**ANAK
BELAJAR DI PUSAT
PENDIDIKAN
TINGGI (MENUJU
IJAZAH PERTAMA)
APABILA
TAMAT BELAJAR
ATAU BERKAHWIN**


Seksyen 16 Akta 227 & Seksyen 17 Akta 239

FORMULA PENGIRAAN & KAEDAH PEMBAHAGIAN SYIR



FORMULA & KAEDAH PEMBAHAGIAN SYIR

Pembahagian Syir Pencen Terbitan




BALU/DUDA = 2 SYIR



ANAK = 1 SYIR

FORMULA & KAEDAH PEMBAHAGIAN SYIR

Jika gemulah
meninggalkan dua
orang balu



2 Syir



2 Syir



2 Syir



3 Syir

Jumlah : 4 syir

Jumlah : 5 syir

Jumlah Syir Keseluruhan : 9 syir

FORMULA & KAEDAH PEMBAHAGIAN SYIR

Contoh Pengiraan:

Amaun Pencen sebanyak RM1000.00

Jumlah Syer Keseluruhan : 9 syir



+



4/9 syer

$$\frac{4}{9} \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}444.44$$



+



5/9 syer

$$\frac{5}{9} \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}555.56$$

FORMULA & KAEDAH PEMBAHAGIAN SYIR

$$4/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}444.44$$

$$5/9 \times \text{RM}1000.00 = \text{RM}555.56$$



$$2/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}222.22}$$



$$2/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}222.22}$$



$$1/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}111.11}$$



$$1/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}111.11}$$



$$1/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}111.11}$$



$$1/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}111.11}$$




$$1/9 \times \text{RM}1000.00 = \underline{\text{RM}111.11}$$

PERKAHWINAN DALAM PERKHIDMATAN

PENCEN TERBITAN KEKAL 100%

- Berkahwin semasa dalam perkhidmatan
- Kematian dalam tempoh 20 tahun


Tempoh 20 tahun tamat pada
Jun 2000




PERKAHWINAN DALAM PERSARAAN

- Balu / duda yang dikahwini dalam persaraan hanya layak menerima pencen terbitan bagi **baki tempoh 20 tahun dari tarikh persaraan pesara SAHAJA.**
- Tempoh kelayakan 20 tahun dari tarikh persaraan ini juga terpakai bagi **anak hasil perkahwinan dalam persaraan juga.**

CONTOH 1:



CONTOH 2:



SYARAT PEMBERIAN PENCEN TERBITAN

Pencen Terbitan layak dibayar penuh selepas tempoh 20 tahun jika penerimanya:

- bagi balu/duda, dikahwini semasa dalam perkhidmatan;**
- bagi anak atau anak tiri tanggungannya, hasil perkahwinan semasa dalam perkhidmatan;**

...

- **bagi anak angkat, telah diangkat semasa dalam perkhidmatan;**
- **bagi anak tak sah taraf, telah dikandungkan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan (dikandung semasa pegawai masih hidup tetapi kelahiran berlaku selepas kematian pegawai)**

PENCEN TANGGUNGAN

PENCEN TANGGUNGAN



Pemberian tambahan kepada pembayaran pencen terbitan (bulanan) yang dibayar kepada orang tanggungan bagi kes anggota yang mati kerana :

PENCEN TANGGUNGAN

Syarat Pencen Tanggungan

- Kemalangan dalam perjalanan (jika bukan disebabkan kecuiaan gemulah); atau
- Ditimpa bencana atau disebabkan oleh penyakit yang berpunca dari tugas rasminya; atau
- Mati dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh ia menanggung bencana disebabkan oleh penyakit yang berpunca dari tugas rasminya (Gemulah dibersarakan Atas Sebab Kesihatan tetapi tidak memohon untuk Pencen Hilangupaya).

PENCEN TANGGUNGAN

Tanggungungan yang layak menerima Pencen Tanggungan

- Balu (selagi berkelakuan baik).
- Duda (yang cacat otak atau hilang upaya jasmani secara kekal dan tiada upaya menanggung diri sendiri).
- Anak (terhad kepada 6 orang yang teratas).
- Ibu/bapa (samada ibu/bapa bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya nafkah daripada gemulah selagi ibu/bapa berkelakuan baik).

PENCEN TANGGUNGAN

FAKTOR PECAHAN BAYARAN

Balu	Anak	Ibu Bapa
1/6	1/48	1/12
Tiada	1/24	1/6
1/6	Tiada	1/12
Tiada	Tiada	1/6
Tiada	1/24	Tiada

(Daripada Gaji Akhir)

PEMBERIAN FAEDAH PERSARAAN



KEPADA PESARA

- a) **Ganjaran Perkhidmatan**
- b) **Pencen Perkhidmatan**
- c) **Award Wang Tunai
Gantian Cuti Rehat**
- d) **Pencen Hilangupaya**
- e) **Elaun Tanggungan**

KEPADA TANGGUNGAN

- a) **Ganjaran Terbitan**
- b) **Pencen Terbitan**
- c) **Award Wang Tunai
Gantian Cuti Rehat**
- d) **Pencen Tanggungan**

SOALAN-SOALAN LAZIM

Soalan:

Kedudukan Balu/Duda Yang Berkahwin Semula?

Jawapan:

Tetap Layak (Berkuatkuasa mulai 1.1.2002)

Soalan:

Kedudukan Pasangan Bukan Warganegara?

Jawapan:

Tetap Layak

Soalan:

Adakah balu yang diceraikan tetapi **masih dalam tempoh eddah** semasa kematian pegawai layak dibayar faedah terbitan?

Jawapan:

Balu tersebut layak dibayar faedah terbitan.

Soalan:

Penerima pencen terbitan yang dijatuhkan hukuman bankrap oleh mahkamah. Adakah masih layak menerima pencen terbitan?

Jawapan:

Penerima Pencen Terbitan yang bankrap boleh dibayar Pencen Terbitan (mulai 1 Januari 2012).

- Seksyen 20(3), Akta Pencen 1980 (Akta 227)

Soalan:

Berapa lamakah orang tanggungan (bagi kes pegawai yang hilang) boleh mendapatkan mendapatkan faedah terbitan?

Jawapan:

(a) Mesti memperolehi Perintah Anggaran Kematian (PAK) yang dikeluarkan oleh Mahkamah, 4 tahun (Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah) selepas tarikh kehilangan (bagi beragama Islam).

(b) Secara umum, dalam kes-kes berkaitan anggapan kematian yang diputuskan oleh Mahkamah, pendekatan yang diambil adalah seseorang yang ingin Mahkamah mengeluarkan PAK hendaklah menunggu selama (7) tujuh tahun (Akta Keterangan 1950) dari tarikh seseorang itu hilang.

Soalan:

Adakah **anak cacat yang berkahwin** masih layak untuk menerima pencen terbitan?

Jawapan:

Layak kerana mengikut peruntukan Seksyen 16(b) Akta Pencen 1980, anak cacat adalah terkecuali daripada syarat hendaklah terhenti pencen terbitan apabila berkahwin.

Soalan:

Adakah perkahwinan yang dilakukan di luar negara, yang tidak didaftarkan boleh diberi pengiktirafan bagi maksud Akta Pencen 1980?

Jawapan:

Ya. Perkahwinan yang berlaku di luar negara jika ada bukti-bukti yang cukup dan sah di sisi undang-undang Islam, walaupun tidak didaftarkan di Malaysia perkahwinan tersebut adalah sah dan boleh diberi pengiktirafan bagi maksud Akta Pencen 1980.

Eh, kenapa pula layak walaupun tidak didaftarkan di Malaysia?

Pendaftaran Perkahwinan hanyalah untuk memenuhi keperluan Undang-Undang Pentadbiran Islam sahaja dan kegagalan mendaftar hanyalah satu kesalahan di bawah Enakmen Undang-Undang Negeri tetapi perkahwinan tetap sah.

Soalan:

Adakah ibu gemulah layak dibayar pencen terbitan?

Jawapan:

Tidak layak. Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Pencen 1980 memperuntukkan pencen terbitan hanya layak diberi kepada:–

- (a) Balu atau Duda;**
- (b) Anak;**
- (c) Balu dan Anak atau Duda dan Anak**

Soalan:

Adakah ahli keluarga tanggungan gemulah layak dibayar pencen tanggungan jika gemulah telah meninggal dunia dalam perkhidmatan beberapa tahun selepas menanggung bencana disebabkan oleh kemalangan dalam perjalanan?

Jawapan:

Jika gemulah meninggal dunia akibat daripada menanggung bencana disebabkan oleh kemalangan dalam perjalanan dalam tempoh tujuh (7) tahun daripada tarikh kemalangan tersebut, ahli keluarga tanggungan layak dipertimbangkan pencen tanggungan.

Sekian, Terima kasih



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED